

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN**  
**KAWASAN : NIBONG TEBAL**  
**NO. SOALAN : 261**

**SOALAN**

**Dato' Mansor Bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Kementerian atau Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) boleh mempertingkatkan untuk menyediakan insentif kepada koperasi-koperasi yang terlibat dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited untuk terus membangunkan usahawan PKS agar dapat bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa serta membantu mereka meningkatkan kapasiti dan kualiti produk. Dalam Bajet 2018, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM22.2 bilion untuk melaksanakan pelbagai program pembangunan, khusus kepada usahawan dan PKS tempatan. Ini termasuklah untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan, akses kepada pasaran, pembangunan modal insan, infrastruktur dan penerapan teknologi dan inovasi. Program-program ini bertujuan membantu PKS tempatan membina dan

meningkatkan keupayaan dalam penggunaan teknologi, automasi, inovasi, kualiti perkhidmatan, penjenamaan dan pengantarabangsaan.

2. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensi-agensi di bawahnya iaitu MIDA, SME Corp, MIDF dan SME Bank, menyediakan pelbagai program pembangunan, pembiayaan dan insentif kepada usahawan dan PKS tempatan. Program dan insentif ini meliputi semua sektor, khususnya pembuatan dan perkhidmatan.
3. Bagi koperasi, agensi utama yang bertanggungjawab ke atas pembangunan sektor ini ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta agensi-agensi di bawahnya, terutamanya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
4. Walau bagaimanapun, MITI turut melaksanakan inisiatif dan bekerjasama rapat dengan SKM bagi membantu pembangunan koperasi yang terlibat dalam PKS. Salah satu daripada program tersebut ialah Program Groom Big yang bertujuan membangun dan mewujudkan usahawan PKS Bumiputera, termasuk koperasi, yang berjaya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.
5. Melalui Program Pembangunan Koperasi Groom Big (PPKGB), usahawan PKS yang berdaftar di bawah koperasi ditawarkan pelbagai bentuk bantuan dan insentif, antaranya, bimbingan pengukuhan koperasi dari segi penjenamaan, rekabentuk pelabelan dan pembungkusan, bimbingan bagi pensijilan halal serta aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran produk usahawan dan koperasi, termasuk program eksport.

6. Di bawah PPKGB, sebanyak 12 Koperasi Groom Big telah ditubuhkan iaitu di Negeri Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, 9 buah Koperasi Groom Big telah dibantu dan dibimbing oleh MITI, SKM dan SIRIM Berhad melalui Bengkel Asas Pengukuhan Koperasi Groom Big sejak tahun 2013.
7. Melalui program penggalakan eksport pula, MITI telah membawa usahawan PKS, termasuk Koperasi Groom Big, menyertai Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) sejak tahun 2015. Pada tahun 2017, tiga (3) buah koperasi iaitu Koperasi Groom Big Kedah (KUGERAK), Koperasi Groom Big Kelantan (KUBIG) dan Koperasi Groom Big Perlis (KUGPIS) telah turut menyertai ekspo tersebut dan mencatatkan jualan yang memberangsangkan. Daripada keseluruhan jumlah jualan tunai dan kontrak bernilai RM58.8 juta, sebanyak RM36.9 juta ataupun 62.7% adalah merupakan hasil jualan oleh tiga (3) koperasi tersebut.

Sekian, terima kasih.